



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**GARIS PANDUAN PERANCANGAN DAN PEMBINAAN STRUKTUR
KOMUNIKASI NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024**

BERKUAT KUASA

1 OGOS 2024

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	AKRONIM	2
2.0	PENDAHULUAN	4
3.0	JENIS-JENIS STRUKTUR KOMUNIKASI DAN SYARAT-SYARAT PEMBINAAN	10
4.0	PERANCANGAN TAPAK KOMUNIKASI DI KAWASAN PEMAJUAN SEDIA ADA DAN BAHARU	16
5.0	KAEDAH-KAEDAH PERMOHONAN PELAN BANGUNAN DAN PEMBAHARUAN PERMIT/KONTRAK STRUKTUR KOMUNIKASI	19
6.0	PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN	30
7.0	PENGURUSAN BANTAHAN PENDUDUK	31

1.0 AKRONIM

AKM	Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]
AKP	Akta Kawasan Pengairan 1953 [Akta 386]
APA	Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3]
APT	Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385]
APN	Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]
APJ	Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Seksyen 84, 85 & 85A
APBD	Akta Perancang Bandar dan Desa 1976
BKT	Bahagian Kerajaan Tempatan
CAAM	<i>Civil Aviation Authority of Malaysia</i>
CIPM	<i>Communication Infrastructure Permit Management</i>
CMI	Perbadanan Ketua Menteri
ESAH	<i>Electricity Supply Application Handbook</i>
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
JBPM	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
JMB	Badan Pengurusan Bersama (<i>Joint Management Body</i>)
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JPB	Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 [Akta 133]
KM	Kebenaran Merancang
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KTN	Kanun Tanah Negara (Disemak Tahun 2020) [Akta 828]
MAINPP	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
MBPP	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
MBSP	Majlis Bandaraya Seberang Perai
MC	Perbadanan Pengurusan (<i>Management Corporation</i>)
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

MDF	Bingkai Pengedaran Utama (<i>Main Distribution Frame</i>)
MJOSC	Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat
MMKN	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MTSFB	<i>Malaysian Technical Standards Forum Berhad</i>
NFP	Pemberi Kemudahan Rangkaian (<i>Network Facilities Provider</i>)
PB	Pelan Bangunan
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PBTS	<i>Portable Base Transceiver Station</i>
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PSUKPP	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
PTP	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
RIBI	Rumah Ibadat Bukan Islam
RKK	Rancangan Kawasan Khas
SDG	Agenda Pembangunan Mampan (<i>Sustainable Development Goals</i>)
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
SP	<i>Smart Pole</i>
SSP	<i>Smart Street Pole</i>
TER	Bilik Peralatan Telekomunikasi (<i>Telecommunication Equipment Room</i>)
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TRP	Panel Penilaian Teknikal (<i>Technical Review Panel</i>)
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia
UKBS	Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1986
UNESCO	<i>United Nation Educational, Scientific and Cultural Organisation</i>

'Garis Panduan Perancangan dan Pembinaan Struktur Komunikasi' selepas ini dipanggil
'GPP ini'

2.0 PENDAHULUAN

2.1 VISI PENANG2030: NEGERI PINTAR DAN HIJAU BERTERASKAN KELUARGA INSPIRASI NEGARA

2.1.1 Visi Penang2030 yang digagaskan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang bukan sahaja memberi penekanan terhadap pembangunan institusi kekeluargaan, malah turut merangkumi aspek negeri hijau dan pintar sebagai hala tuju dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Kerajaan Negeri) bagi tempoh 10 tahun akan datang.

2.1.2 Bertunjangkan empat (4) tema iaitu meningkatkan daya huni sebagai peningkatan kualiti hidup rakyat; menaik taraf ekonomi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat bagi meningkatkan penyertaan umum; dan melabur dalam infrastruktur serta kemudahan awam bagi meningkatkan daya tahan dalam pelbagai keadaan, Visi Penang2030 adalah wawasan berinovasi yang merangkumi semua aspek pembangunan tanpa meminggirkan mana-mana entiti.

2.1.3 Malah, melalui kerangka kerja, visi ini juga bakal memastikan segala perancangan yang direncanakan akan dilaksanakan secara seimbang serta berhemah demi kelangsungan negeri ini.

2.1.4 Menurut kaca mata YAB Ketua Menteri, penglibatan rakyat Pulau Pinang dalam merealisasikan Visi Penang2030 adalah amat kritikal kerana ia bukan hanya boleh dijayakan oleh Kerajaan Negeri semata-mata, tetapi sebaliknya memerlukan penyertaan semua warga negeri secara menyeluruh.

2.1.5 Kerajaan Negeri amat komited untuk memastikan ketersediaan infrastruktur komunikasi di Negeri Pulau Pinang dalam menghadapi cabaran dunia abad ke-21 termasuk penyertaan dalam ekonomi digital, penerimaan *Industrial Revolution* (IR) 4.0 serta capaian pada teknologi terbaharu seperti 5G. Penyediaan infrastruktur komunikasi di Negeri Pulau Pinang kini telah jauh

lebih baik berbanding 10 tahun yang lalu. Ini adalah hasil usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri dengan kerjasama pelbagai pihak sama ada kerajaan mahupun swasta terutamanya industri komunikasi yang sudi melabur di Negeri Pulau Pinang. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri mengamalkan Konsep 3M dan 1S dalam pelaksanaan infrastruktur komunikasi iaitu:

i. MESRA:

Polisi Kerajaan Negeri yang mesra pelabur dan mengamalkan dasar tiada monopoli atau pemberian hak eksklusif kepada mana-mana pihak dalam menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan komunikasi di Negeri Pulau Pinang.

ii. MUDAH:

Proses pembinaan dan pembaharuan permit di Negeri Pulau Pinang juga dipermudah. PB boleh terus dibuat tanpa perlu melalui proses KM yang mengambil tempoh masa panjang dan prosedur yang lebih rumit.

iii. MAJU:

Negeri Pulau Pinang adalah negeri yang maju, yang mempunyai nilai komersial yang tinggi berdasarkan jumlah permintaan dan langganan perkhidmatan komunikasi yang tinggi di negeri ini. Dalam hasrat Kerajaan Negeri menerajui teknologi IR 4.0, pembangunan infrastruktur jaringan komunikasi 5G adalah penggerak utama pertumbuhan ekonomi di dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan di Negeri Pulau Pinang. Negeri Pulau Pinang kini menjadi antara negeri penyumbang tertinggi pada ekonomi negara. Justeru, dengan sokongan teknologi baharu 5G, Negeri Pulau Pinang akan menjadi negeri yang lebih maju dan mempunyai nilai komersial yang tinggi untuk memacu peningkatan ekonomi digital serta dapat merapatkan jurang digital.

iv. **SMART:**

Inisiatif Kerajaan Negeri untuk membangunkan negeri pintar bertaraf antarabangsa (*Penang Towards a Smart International State*) merupakan satu inisiatif Kerajaan Negeri yang digalakkan oleh pihak MCMC bagi meningkatkan penggunaan ICT. Dokumen Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang juga menggariskan lima (5) domain yang terdiri daripada Kerajaan Pintar, Komuniti Pintar, Persekitaran Pintar, Mobiliti Pintar dan Ekonomi Pintar yang akan memacu negeri ini ke arah mencapai tahap pembangunan lestari selaras dengan SDG, khususnya Agenda 11 yang bermatlamatkan “Menjadikan Bandar dan Penempatan Manusia Lebih Inklusif, Selamat, Berdaya Tahan Dan Mampan”.

2.2 TUJUAN

2.2.1 GPP ini disediakan bagi memenuhi aspirasi Kerajaan Negeri untuk memperkemas dan menambah baik proses pembangunan infrastruktur komunikasi berikutan wujudnya masalah seperti kesukaran mendapatkan kelulusan pembinaan infrastruktur komunikasi, cabaran dalam melaksanakan penguatkuasaan di peringkat PBT serta kurangnya kesedaran penduduk terhadap keperluan infrastruktur komunikasi dalam menyokong pembangunan yang mampan di Negeri Pulau Pinang.

2.2.2 Menerusi garis panduan ini, adalah diharapkan supaya objektif seperti berikut dapat dicapai:

- i. Syarat-syarat pembinaan struktur komunikasi yang lebih tersusun dan efektif selaras dengan kepesatan pembangunan sektor dan teknologi komunikasi;
- ii. Reka bentuk struktur komunikasi yang lebih menepati ciri-ciri persekitaran dan estetika bangunan serta sensitiviti penduduk setempat;

- iii. Prosedur pengemukaan pelan-pelan pembangunan yang lebih mencerminkan keperluan infrastruktur komunikasi bagi memudahkan pemantauan dan penguatkuasaan;
- iv. Meliputi kawasan pembangunan sedia ada dan kawasan pembangunan baharu bagi tujuan penambahbaikan liputan; dan
- v. Memenuhi keperluan masyarakat mendapatkan perkhidmatan utiliti yang terbaik.

2.2.3 Bagi mencapai Visi Penang2030, jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat haruslah cakna terhadap visi dan polisi yang sedang dilaksanakan. Sokongan dan kerjasama semua pihak amatlah penting bagi memudah cara dan mempercepat pencapaian visi Kerajaan Negeri.

2.3 PUNCA KUASA PENYEDIAAN GARIS PANDUAN

2.3.1 Pembinaan struktur pemancar komunikasi dibenarkan dalam semua kawasan PBT, tertakluk pada undang-undang semasa, memandangkan perkhidmatan komunikasi adalah suatu perkhidmatan kemudahan awam (*public utility*) yang perlu disediakan. Menyedari keperluan ini, Kerajaan Negeri telah mula mengiktiraf kemudahan komunikasi sebagai utiliti ketiga yang berkuat kuasa di Negeri Pulau Pinang pada Disember 2020.

2.3.2 GPP ini adalah berpandukan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa seperti berikut:

- i. Akta Perancang Bandar dan Desa [Akta 172];
- ii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 [Akta 133];
- iii. AKM [Akta 588];
- iv. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1986 [Pg.PU. 41/1986];
- v. Kanun Tanah Negara (Disemak Tahun 2020) [Akta 828];
- vi. Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3];
- vii. Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385];

- viii. Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313];
- ix. Akta Kawasan Pengairan 1953 (Disemak Tahun 1989) [Akta 386]; dan
- x. Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Seksyen 84, 85 & 85A.

2.3.3 Subseksyen 19(1), Akta 172, menyatakan bahawa tiada seorang pun, selain Pihak Berkuasa Tempatan, boleh memulakan, mengusahakan atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika KM berkenaan dengan pemajuan itu telah diberikan kepadanya di bawah Seksyen 22 atau dilanjutkan di bawah Subseksyen 24(3).

2.3.4 MMKN juga telah diambil kira dalam pembangunan pembinaan infrastruktur komunikasi di Negeri Pulau Pinang. MMKN Bilangan 17/2015 pada 27 Mei 2015 dan disahkan pada hari yang sama telah meluluskan untuk memudahkan permohonan pembinaan struktur komunikasi baharu dengan hanya perlu melalui proses kelulusan PB sahaja.

2.3.5 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dokumen-dokumen seperti berikut:

- i. Garis Panduan Pemasangan SSP Di Negeri Pulau Pinang 2022;
- ii. SOP Bantahan Penduduk Terhadap Struktur Pemancar Telekomunikasi Di Negeri Pulau Pinang 2020;
- iii. Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I) Tahun 2022;
- iv. RKK Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town; dan
- v. Senarai semak permohonan PB PBT yang berkuat kuasa.

2.4 TAFSIRAN

- 2.4.1 'Menara' adalah semua jenis menara komunikasi yang dibina di atas tanah.
- 2.4.2 'Struktur Komunikasi' adalah semua jenis struktur komunikasi yang dibina di atas bangunan atau apa-apa struktur sedia ada atau di atas tanah. Bangunan atau struktur sedia ada termasuklah *monopole*, *monopole tree*, menara kekisi tiga kaki, menara kekisi empat kaki, *mast*, papan iklan, menara muazzin, menara jam, lampu jalan dan lain-lain.
- 2.4.3 'Peralatan Komunikasi' adalah semua jenis peralatan telekomunikasi yang dipasang di atas bangunan atau apa-apa struktur sedia ada sama ada di atas tanah atau bangunan.
- 2.4.4 'Pemegang Amanah' adalah seorang atau sekumpulan orang yang namanya tercatat di atas geran tanah sebagai pemegang amanah.
- 2.4.5 'Pemilik Tanah' adalah seorang atau sekumpulan orang yang namanya tercatat di atas geran tanah.
- 2.4.6 'Kawasan Warisan' adalah kawasan yang telah dikategorikan sebagai zon warisan oleh PBT atau kawasan yang telah diktiraf sebagai tapak warisan oleh pihak UNESCO.

Dengan terpakainya GPP ini, maka, Prosedur Dan Garis Panduan Pembinaan Menara Dan Struktur Pemancar Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang yang berkuat kuasa sejak 1 Jun 2015 adalah terbatal.

Sebarang keputusan Kerajaan Negeri melalui kelulusan MMKN dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Infrastruktur Telekomunikasi Negeri Pulau Pinang juga perlu diambil kira oleh semua jabatan dan agensi yang terlibat dalam meluluskan sesuatu permohonan pembinaan struktur komunikasi.

3.0 JENIS-JENIS STRUKTUR KOMUNIKASI DAN SYARAT-SYARAT PEMBINAAN

3.1 MAKLUMAT AM

Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang pesat membangun dan mempunyai kawalan pembangunan yang menyeluruh bagi memastikan kesejahteraan kepada penduduk. Berikut adalah prinsip bagi perancangan tapak infrastruktur komunikasi:

3.1.1 Keselamatan dan Keselesaan

Peletakan serta reka bentuk infrastruktur perlu menekankan aspek keselamatan dari segi kestabilan struktur kemudahan dan struktur tanah. Di samping itu, keselesaan penduduk sekitar juga perlu diambil kira. Mana-mana struktur komunikasi yang diletakkan pada bangunan atau struktur sokongan mestilah dalam keadaan selamat, kemas, tersusun dan teratur.

3.1.2 Adil dan Terbuka

Akses kepada kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh pemaju hendaklah secara adil dan terbuka untuk memastikan semua pemberi perkhidmatan komunikasi mendapat hak sama rata.

3.1.3 Teratur dan Sistematis

Perancangan tapak kemudahan perlu dirancang secara bersepadu dan sistematis untuk memastikan ketersediaan infrastruktur komunikasi diambil kira pada peringkat awal permohonan pemajuan.

3.1.4 Penjimatan dan Ekonomik

Peletakan tapak infrastruktur komunikasi yang disediakan secara bersepadu akan menjimatkan kos dari segi pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur komunikasi berbanding kos yang diperlukan untuk penyediaan infrastruktur secara penambahan atau *retrofit*.

3.1.5 Kemudahsampaian

Perancangan dan pembangunan infrastruktur komunikasi di lokasi yang sesuai dan strategik adalah bertujuan menyediakan liputan yang lebih menyeluruh dan penyelenggaraan yang lebih teratur.

3.1.6 Kekemasan dan Keindahan

Kawasan sekitar tapak infrastruktur komunikasi perlu disediakan kawasan penampakan dan anjakan struktur yang bersesuaian. Elemen landskap yang bersesuaian boleh diterapkan dengan reka bentuk struktur yang menarik dan tidak menyebabkan ketidakselesaan kepada penduduk.

Semua struktur pemancar komunikasi baharu/sedia ada disarankan menggunakan cat skim warna berlatar belakang yang hampir sama atau dilengkapkan dengan ciri penyamaran. Penggunaan struktur penghadang visual seperti elemen dinding atau *lourves* mampu mengurangkan impak visual pada fasad atau bumbung bangunan serta mengemaskan ruang peletakan peralatan komunikasi.

3.2 STRUKTUR KOMUNIKASI ATAS TANAH

3.2.1 Keterangan Struktur

- i. Semua struktur menara yang dibina di atas tanah kosong (*free standing structures*). Rujuk perenggan 5.2.
- ii. Struktur komunikasi atas tanah ialah struktur pemancar komunikasi yang terdiri daripada struktur menara konvensional satu fungsi atau multifungsi dan mempunyai ciri-ciri estetika (sekiranya perlu) seperti *monopole*, *monopole tree*, menara kekisi tiga kaki, menara kekisi empat kaki, *high mast*, papan iklan, menara muazzin, menara jam, PBTS dan lain-lain.

- iii. Jarak minimum lokasi struktur pemancar komunikasi atas tanah dari bangunan terdekat adalah seperti di **Jadual 1**:

Jenis Bangunan	Jarak Minimum Lokasi Struktur Komunikasi (kecuali SSP)	
	Ketinggian Struktur Kurang daripada 45 meter ($\leq 45m$)	Ketinggian Struktur Melebihi 45 meter ($>45m$)
Kediaman/rumah ibadat (RIBI)/hospital/sekolah/dewan orang ramai/institusi/bangunan utiliti	20 m	30 m
Komersial	10 m	15 m
Industri	5 m	10 m

Jadual 1: Jarak anjakan struktur komunikasi atas tanah

*Jarak anjakan ini adalah terpakai bagi anjakan yang melepasi sempadan lot pemajuan.

Bagi struktur pemancar yang didirikan di dalam sesuatu lot, jarak anjakan boleh dikecualikan dari mana-mana bangunan yang berada di dalam kawasan/lot yang sama atau lot yang berjiran dengan syarat mendapat persetujuan daripada tuan tanah yang terlibat.

3.3 STRUKTUR KOMUNIKASI ATAS BINAAN/STRUKTUR SEDIA ADA

3.3.1. Keterangan Struktur

- i. Semua struktur komunikasi yang dipasang di atas atau pada binaan/struktur sedia ada.
- ii. Struktur komunikasi boleh dipasang pada bangunan, *unipole*, papan iklan, menara muazzin dan menara jam, tangki air dan lain-lain (mana-mana struktur yang boleh dipasang dengan peralatan komunikasi).

- iii. Struktur komunikasi yang dipasang di atas bangunan Hakmilik Strata perlu mematuhi syarat berikut:
 - (a) Mendapatkan kebenaran daripada Pemaju atau MC atau JMB; dan
 - (b) Peralatan komunikasi seperti kabinet, kabel dan pendawaian diletakkan di ruang utiliti awam atau mana-mana kawasan yang dibenarkan oleh pemaju atau MC atau JMB.
- iv. Jarak minimum lokasi struktur komunikasi jenis atas pada binaan atau struktur adalah seperti di **Jadual 2**:

Struktur Komunikasi Atas Bangunan/ Struktur Sedia Ada	Keperluan dan Syarat
Tinggi struktur komunikasi	Ukuran ketinggian sebenar struktur komunikasi adalah dari tapak hingga ke puncak struktur itu sendiri dan keseluruhan ketinggian tidak melebihi separuh (1/2) ketinggian bangunan atau maksimum 12 meter.
Jarak minimum dari bangunan terdekat	Tiada.

Jadual 2: Jarak anjakan struktur komunikasi atas bangunan.

- v. Reka bentuk pembinaan adalah seperti berikut:
 - (a) Struktur komunikasi perlu diintegrasikan bersesuaian dengan binaan sedia ada di tapak;
 - (b) Struktur komunikasi dibenarkan diletakkan di atas bangunan yang mempunyai bumbung dari jenis cerun;
 - (c) Struktur komunikasi boleh dilekatkan pada tembok *parapet* atau fasad bangunan dan ia hendaklah

dikemaskan serta dilepa dengan warna yang selaras dengan fasad bangunan tersebut;

- (d) Struktur komunikasi, sistem kabel dan pendawaian komunikasi yang diletakkan di atas bumbung dan pada permukaan fasad bangunan hendaklah dikemaskan dengan baik dan dilepa dengan warna yang selaras dengan fasad bangunan tersebut; dan
- (e) Sebuah papan tanda yang mempamerkan butir-butir pemilik syarikat komunikasi seperti nama, nombor telefon dan alamat syarikat mestilah diletakkan atau dipaparkan pada atau di dalam kawasan struktur/menara komunikasi yang dibina.

3.4 *SMART STREET POLE (SSP)*

3.4.1 Keterangan Struktur

- i. SSP adalah struktur lampu jalan yang diintegrasikan dengan kemudahan komunikasi atau jika diintegrasikan dengan peralatan-peralatan pintar.
- ii. Pelaksanaan SSP boleh dibuat dengan kaedah penggantian tiang lampu jalan atau tambahan tiang lampu jalan pada jajaran sedia ada (bergantung kepada persetujuan pemilik tiang lampu).

- iii. Keperluan dan syarat bagi struktur komunikasi jenis SSP adalah seperti di **Jadual 3**:

Struktur Komunikasi SSP	Keperluan dan Syarat
Tinggi struktur	Maksimum 18 meter
Jarak minimum dari bangunan terdekat	5 meter (Tertakluk pada kelulusan PBT dan struktur sedia ada)
Jarak minimum untuk SSP/ laluan pejalan kaki	Merujuk keperluan dan syarat PBT
Jumlah permohonan SSP	Tiada jumlah minimum dan maksimum yang ditetapkan

Jadual 3: Jarak anjakan struktur komunikasi SSP.

- iv. Sebarang permohonan yang melibatkan struktur SSP perlulah merujuk Garis Panduan Pemasangan SSP Di Negeri Pulau Pinang 2022 dan GPP ini yang sedang berkuat kuasa. Pemakluman kepada YB kawasan adalah digalakkan.



Dikosongkan

4.0 PERANCANGAN TAPAK KOMUNIKASI DI KAWASAN PEMAJUAN SEDIA ADA DAN BAHARU

4.1 MAKLUMAT AM

4.1.1 Garis panduan ini menekankan perancangan tapak kemudahan komunikasi bagi penyediaan kawasan atau ruang khas yang perlu disediakan oleh pihak pemaju atau pemilik projek semasa mengemukakan pelan pembangunan fizikal kepada pihak PBT bagi pemajuan baharu bermula dari tarikh garis panduan ini berkuat kuasa. Pelan pembangunan fizikal tersebut perlu mengambil kira perancangan bagi infrastruktur komunikasi dan laluan kabel gentian optik di sesuatu kawasan pembangunan.

4.1.2 Garis panduan ini juga merangkumi perancangan dan kawalan sesuatu kawasan pembangunan sedia ada. Pihak NFP perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak PBN dan PBT.

4.1.3 Cadangan projek pembangunan baharu dan pembangunan semula yang melibatkan kawasan penempatan, kawasan pembangunan komersial, kawasan industri, kawasan pembangunan bercampur, projek hab pengangkutan termasuk projek-projek kerajaan dan kawasan berhutan (Hutan Simpanan Kekal/Tanah Kerajaan) perlu mengambil kira penyediaan lokasi dan kesesuaian bagi perkara berikut:

- i. Kawasan/Tapak menara atau struktur pemancar komunikasi tertakluk pada syarat seperti di perenggan 5.1.3 dan 5.2.7 yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I);
- ii. *MDF Rooms, Telecommunication Equipment Room (TER)*, laluan kabel gantri dan/atau pendawaian dalaman serta kemudahan-kemudahan lain untuk talian tetap dan mudah alih; dan

- iii. Laluan kemudahan utiliti komunikasi termasuklah laluan kabel gentian optik.

4.1.4 Perancangan yang dinyatakan di perenggan 4.1.1 hingga 4.1.4 turut merangkumi aspek-aspek berikut:

- i. Cadangan penyediaan struktur komunikasi bertujuan untuk penambahbaikan liputan di sesuatu kawasan pembangunan oleh NFP; dan

- ii. Struktur pemancar perlu mematuhi peraturan-peraturan dan kod-kod teknik yang berkaitan dengan infrastruktur yang dirancang seperti:

(a) Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, KPKT 2002 (Garis Panduan KPKT 2002) atau mana-mana versi terkini yang dikuatkuasakan; dan

(b) Mana-mana kod teknikal berkaitan yang diterbitkan oleh MTSFB dan didaftarkan oleh MCMC seperti berikut:

1. *Fixed Network Facilities - In-Building and External;*
2. *Basic Civil Works - Part 1: General Requirements;*
3. *Technical Standards and Infrastructure Requirements Radiocommunications Network Infrastructure (External);*
4. *Radiocommunications Network Facilities - Smart Pole;*
5. *Radiocommunications Network Facilities - Street Furniture;* dan
6. Kod Teknikal lain yang terpakai.

- 4.1.5 Perenggan 4.0 ini memberi penekanan pada aspek peletakan saiz dan fungsi serta lokasi tapak. Spesifikasi teknikal hendaklah merujuk kod-kod teknik yang dinyatakan di perenggan 4.1.4.
- 4.1.6 MCMC sebagai agensi teknikal luaran yang bertanggungjawab untuk menyemak dan mengulas permohonan pemajuan baharu berdasarkan keperluan perancangan tapak kemudahan komunikasi di perenggan 4.1.5.
- 4.1.7 Pihak pemaju hendaklah menyerahkan tapak infrastruktur komunikasi kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Penyerahan infrastruktur tersebut merujuk tapak menara telekomunikasi dan *ducting* di kawasan *greenfield* pemaju.



Dikosongkan

5.0 KAEDAH-KAEDAH PERMOHONAN PELAN BANGUNAN DAN PEMBAHARUAN PERMIT/KONTRAK STRUKTUR KOMUNIKASI

5.1 SYARAT-SYARAT AM – PERMOHONAN PERMIT STRUKTUR KOMUNIKASI SEMENTARA

- 5.1.1 Permohonan pembinaan struktur komunikasi baharu selain daripada SSP hanya perlu melalui proses kelulusan PB sahaja.
- 5.1.2 Permohonan baharu untuk permit pembinaan struktur komunikasi perlu merujuk Senarai Semak Permohonan Pelan Bangunan (Komunikasi) yang sedang berkuat kuasa. Senarai semak boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi PBT. Permit struktur komunikasi yang dikeluarkan adalah permit sementara oleh Jabatan Bangunan, PBT iaitu jabatan induk yang memproses.
- 5.1.3 Permohonan permit SSP perlu dirujuk bersama Jabatan Kejuruteraan, PBT iaitu jabatan yang memproses.
- 5.1.4 Senarai jenis-jenis lokasi yang dibenarkan bagi pembinaan struktur komunikasi adalah seperti di perenggan 5.2. Permohonan dikemukakan secara langsung ke Unit Pusat Setempat (OSC), PBT.
- 5.1.5 Pihak urus setia OSC akan menyemak permohonan dan merujuk ke agensi teknikal yang berkenaan seperti, MCMC, JBPM, CAAM/TUDM dan TNB. Pihak OSC juga akan merujuk ke agensi teknikal lain jika diperlukan. Rujuk perenggan 5.3.
- 5.1.6 Pemajuan struktur komunikasi dibenarkan di atas tanah pertanian, bangunan perumahan/komersial, industri dan jenis zon serta kawasan sawah padi aktif dan kawasan di bawah Warta Tali Air (dengan mengambil kira tapak menara tidak akan melibatkan kawasan sawah padi yang luas dan hanya satu struktur dibenarkan untuk satu lot). Bagi cadangan struktur komunikasi di dalam kawasan tanah bukit yang diwartakan di bawah Akta 385 dan Kawasan Hutan Simpanan Kekal yang diwartakan di bawah Akta 313, perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa

Negeri terlebih dahulu. Bagi kawasan yang diwartakan, pembinaan struktur komunikasi adalah dibenarkan tertakluk pada kelulusan daripada pegawai pengawal untuk menguruskan kawasan pewartaan tersebut.

- 5.1.7 Bagi Tanah Kerajaan Negeri, pemohon hendaklah mendapatkan Surat Kebenaran Bertulis daripada pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri atau Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan, tertakluk pada penurunan kuasa daripada Pihak Berkuasa Negeri. Semua permohonan berkaitan urusan tanah adalah tertakluk pada Akta 828, Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Pulau Pinang 2021 dan Arahan/Pekeliling Pengarah Tanah & Galian Negeri Pulau Pinang yang sedang berkuat kuasa.
- 5.1.8 Tanah atau bangunan yang dipegang oleh sekumpulan Pemegang Amanah, salah seorang daripada mereka boleh dilantik sebagai wakil dengan menggunakan *Power of Attorney* sahaja.
- 5.1.9 Bagi struktur komunikasi yang terletak di bangunan atas tanah-tanah Kerajaan Persekutuan, misalnya hospital, sekolah, JPJ, JBPM, PDRM dan sebagainya, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan kepada pihak JKPTG untuk kelulusan PTP.
- 5.1.10 Kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri yang disalurkan melalui agensi Kerajaan Negeri yang terlibat boleh diterima pakai bagi menggantikan Perjanjian Sewa atau Surat Tawaran Sewa.
- 5.1.11 Nama Penuh Pemilik Tanah, Nombor Kad Pengenalan, Alamat dan Nombor Telefon hendaklah dicatat di atas pelan dan ditandatangani dengan jelas.
- 5.1.12 Jika pemilik tanah atau pemilik bangunan adalah atas Nama Syarikat, butiran Nama Penuh, Nombor Kad Pengenalan dan Jawatan orang yang menandatangani perlu ada di atas pelan. Hanya orang yang diberi kuasa layak untuk menandatangani.

- 5.1.13 Salinan resit bayaran terakhir cukai tanah sah diguna pakai dalam tempoh satu (1) tahun semasa sahaja bagi struktur komunikasi.
- 5.1.14 Salinan resit bayaran terakhir cukai taksiran sah diguna pakai bagi tempoh 12 bulan sahaja bagi permohonan struktur komunikasi di atas bangunan. Bagi tanah yang belum dikenakan cukai taksiran, perlu mendapatkan pengesahan cukai taksiran daripada pihak Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta di PBT berkenaan. Tempoh sah pengesahan cukai taksiran adalah selama 12 bulan.
- 5.1.15 Bagi kes di mana kerja pembinaan yang telah dijalankan tanpa kelulusan, fi proses pelan akan dinaikkan sebanyak 10 kali ganda daripada jumlah fi asal proses pelan iaitu RM500.00 bagi satu permohonan. Di samping itu, tindakan mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan boleh dikenakan oleh PBT dan tiada pembinaan struktur dibenarkan sebelum permit dikeluarkan.
- 5.1.16 PBT akan memproses permohonan mengikut KPI yang telah ditetapkan oleh piawaian OSC untuk pertimbangan PB.
- 5.1.17 Semua surat-menyurat dan pernyataan butiran di atas pelan bangunan mestilah dalam Bahasa Melayu.
- 5.1.18 Pihak pemohon perlu mengemukakan surat pemakluman sahaja kepada YB ADUN kawasan/penyelaras KADUN dan sesalinan bukti penerimaan oleh Pejabat YB ADUN/penyelaras KADUN perlu dikemukakan sebagai bukti dokumen pengemukaan permohonan PB.

5.1.19 Permit tahunan dikenakan bagi permohonan menara, *monopole* dan binaan/struktur sedia ada adalah seperti di **Jadual 4**:

Menara	RM7,000.00 permohonan pertama	RM5,000.00 bagi pembaharuan permit setiap tahun.
<i>Monopole</i>	RM7,000.00 permohonan pertama	
Struktur/binaan sedia ada	RM7,000.00 permohonan pertama	RM5,000.00 bagi pembaharuan permit setiap tahun dan RM2,500.00 bagi pembaharuan permit setiap tahun bagi struktur yang mempunyai ciri-ciri penyamaran yang diluluskan dalam Pelan Bangunan.

Jadual 4 : Bayaran/Fi Permit Sementara tahunan

5.1.20 Semua struktur baharu pada bangunan atau struktur sedia ada disarankan dengan ciri-ciri penyamaran mengikut keperluan kawasan liputan.

5.1.21 Untuk keadaan kecemasan atau majlis-majlis yang mendapat sokongan Kerajaan Negeri atau aduan liputan yang kritikal, kelulusan permohonan permit pemasangan PBTS akan dipertimbangkan untuk kelulusan khas dalam tempoh segera. Tempoh operasi kelulusan ini diberikan selama satu (1) bulan bagi setiap permohonan dan dibenarkan untuk pembaharuan. Pemohon perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak Jabatan Bangunan PBT dengan fi permohonan dan pembaharuan sebanyak RM500.00 untuk satu permohonan.

5.1.22 Sebarang aduan/bantahan perlulah melalui SOP Bantahan Penduduk Terhadap Struktur Pemancar Telekomunikasi Di Negeri Pulau Pinang Tahun 2020.

5.1.23 Bagi permohonan di atas tanah-tanah kawasan lapang atau tanah-tanah rizab lain yang telah diwartakan di bawah Seksyen 62, Akta 828, kelulusan daripada pegawai pengawal perlulah diperoleh terlebih dahulu secara bertulis melalui permohonan di Pejabat Daerah dan Tanah yang terlibat.

5.2 JENIS-JENIS TAPAK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI

5.2.1 Kawasan Tanah Lapang, Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Tanah Milik.

Struktur komunikasi boleh dibina di kawasan Tanah Lapang, Tanah Kerajaan Negeri, Tanah Kerajaan Persekutuan dan Tanah Milik memandangkan ia adalah utiliti awam. Walau bagaimanapun, pihak NFP perlu berbincang dengan pemilik atau pentadbir tanah yang diberi kuasa bagi mendapatkan lokasi yang sesuai dengan kedua-dua pihak.

5.2.2 Kawasan Tapak Warisan

Struktur komunikasi boleh dibina di kawasan warisan. Pemohon perlu mendapatkan ulasan daripada Jawatankuasa TRP bagi cadangan lokasi yang berada dalam kawasan zon warisan (*heritage zone*).

Sebarang permohonan yang melibatkan kawasan warisan perlulah merujuk dokumen RKK Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town yang sedang berkuat kuasa dan mengadakan rundingan awal bersama Jabatan Konservasi Warisan MBPP.

Semua permohonan yang mematuhi syarat-syarat di atas adalah tertakluk pada penilaian lanjut oleh TRP. Ulasan TRP hendaklah dikemukakan bersama permohonan ke MJOSC.

5.2.3 Kawasan Berhutan/Hutan Simpanan Kekal

Struktur komunikasi boleh dibina di kawasan berhutan atau Hutan Simpan Hutan Simpanan Kekal. Pemohon perlu mendapatkan

ulasan daripada pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dari segi aspek kerja-kerja pembersihan kawasan hutan dan penebangan atau pemangkasan pokok-pokok yang terlibat dalam kawasan tapak permohonan dan pengurusan pokok-pokok di dalam kawasan dibenarkan serta proses permohonan permit atau lesen yang terlibat.

Syarat-syarat permit dan lesen yang dikeluarkan adalah tertakluk pada kelulusan pihak Kerajaan Negeri.

5.2.4 Kawasan Tanah Wakaf dan Rumah Ibadat Bukan Islam

Struktur komunikasi boleh dibina di kawasan Tanah Wakaf dan Rumah Ibadat Bukan Islam. Pemohon perlu mendapatkan kelulusan daripada pemilik/pentadbir tanah berkenaan.

i. Kawasan Tanah Wakaf

Bagi sebarang struktur komunikasi seperti menara muazzin, SP, tiang multifungsi atau menara kekisi di kawasan tanah wakaf MAINPP, pihak NFP perlu mengadakan rundingan dan mendapatkan kelulusan tapak daripada pihak Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd..

Semua pembinaan struktur komunikasi di atas tanah hendaklah mematuhi syarat asas iaitu jarak minimum antara struktur komunikasi di atas tanah dan sisi bangunan terdekat di lot berjiran seperti dalam **Jadual 1** di perenggan 3.2. Walau bagaimanapun, jarak anjakan di dalam kawasan tanah wakaf adalah seperti di **Jadual 5** atau tertakluk kepada persetujuan tuan tanah mengikut kesesuaian lokasi tapak:

Jenis Bangunan di dalam Kawasan Tanah Wakaf	Struktur di atas Tanah	
	Kurang Daripada (\leq) 30 meter (m)	Lebih daripada ($>$) 30 meter (m)
Masjid / Surau	2m	20m
Kediaman	2m	20m
Sekolah	2m	20m
Bangunan Pentadbiran	2m	20m
Binaan Terbuka	-	-
Lain-lain Binaan	2m	20m

Jadual 5 : Jarak anjakan struktur komunikasi atas tanah Wakaf

Bagi struktur komunikasi yang didirikan di dalam kawasan sesuatu lot, jarak anjakan boleh dikecualikan daripada mana-mana bangunan yang berada di dalam kawasan/lot yang sama dengan syarat mendapat persetujuan tuan tanah seperti di

Jadual 6:

Jenis Bangunan di dalam Kawasan Tanah Wakaf	Struktur di atas Bangunan
	Tidak Melebihi Separuh Ketinggian Bangunan Sedia Ada atau Maksimum 12 meter (m)
Masjid/Surau	Jarak anjakan tidak terpakai
Kediaman	
Sekolah	
Bangunan Pentadbiran	
Binaan Terbuka	
Lain-lain Binaan	

Jadual 6 : Jarak anjakan struktur komunikasi atas bangunan di Tanah Wakaf.

ii. Kawasan Rumah Ibadat Bukan Islam

Bagi sebarang struktur komunikasi seperti menara, SP, tiang multifungsi atau menara kekisi di kawasan tanah Rumah Ibadat Bukan Islam, pihak NFP perlu mengadakan rundingan dan mendapatkan kelulusan tapak daripada pihak yang terlibat.

5.2.5 Tanah Milik Persendirian atau Tanah Milik Syarikat/Organisasi

Struktur komunikasi boleh dibina di atas tanah milik persendirian atau milik syarikat. Pemohon perlu membuat permohonan terus kepada pemilik tanah bagi mendapatkan persetujuan pemilik tanah.

5.2.6 Kawasan Strata

Struktur komunikasi boleh dibina di atas bangunan rumah pangsa atau bangunan Hak Milik Strata dengan mematuhi syarat-syarat berikut:

- i. Dibenarkan oleh Pemaju atau Perbadanan Pengurusan (MC) atau JMB; dan
- ii. Struktur komunikasi, peralatan komunikasi, kabel dan pendawaian diletakkan di kawasan yang sesuai dan di bawah hak milik bersama.

5.3 PROSES MENDAPATKAN SOKONGAN JABATAN/AGENSI TEKNIKAL

Semua permohonan struktur komunikasi hendaklah dikemukakan oleh pihak perunding yang bertauliah.

Semua permohonan PB bagi struktur komunikasi hendaklah dikemukakan ke Unit OSC PBT.

Unit OSC PBT akan memanjangkan permohonan yang lengkap ke jabatan teknikal yang terlibat seperti di bawah:

Sokongan jabatan teknikal seperti MCMC, JBPM, CAAM/TUDM dan TNB adalah diperlukan.

5.3.1 Jabatan/Agensi yang terlibat

i. MCMC

Merujuk SOP Permohonan Cadangan Pemajuan Infrastruktur Komunikasi Melalui Kebenaran Merancang Di Dalam Unit Pusat Setempat (OSC) oleh MCMC yang sedang berkuat kuasa. Tempoh kelulusan sokongan adalah berdasarkan piagam pelanggan jabatan/agensi teknikal masing-masing.

ii. CAAM/TUDM

Sokongan TUDM diperlukan bagi tapak-tapak di bawah kawasan pentadbiran MBSP manakala CAAM di bawah kawasan pentadbiran MBPP atau di dalam laluan penerbangan (*flight path*) sahaja. Tempoh kelulusan sokongan adalah berdasarkan piagam pelanggan jabatan/agensi teknikal masing-masing.

Struktur komunikasi jenis *wall mounted* dan SSP adalah dikecualikan ulasan CAAM/TUDM.

Struktur komunikasi tambahan yang tidak melebihi kelulusan ketinggian struktur sedia ada adalah dikecualikan ulasan CAAM/TUDM.

Butiran lanjut berkenaan dengan proses permohonan, pemohon boleh melayari laman sesawang rasmi CAAM (Untuk TUDM butiran lanjut tidak dipaparkan di laman sesawang rasmi).

Permohonan yang berada di dalam lingkungan 15 kilometer (km) dari *centre of aerodrome* perlu mendapatkan kelulusan daripada CAAM/TUDM.

Permohonan yang berada di kawasan pentadbiran MBSP perlu mendapatkan ulasan daripada pihak TUDM.

Bagi TUDM, pemohon perlu menghantar dokumen seperti berikut:

- (a) Surat Iringan;
- (b) Borang RMAF ATC OLS BW/OPS/S.137/5;
- (c) Pelan Lokasi dan Struktur.

iii. JBPM

Keperluan mendapatkan sokongan daripada pihak JBPM hanyalah permohonan yang melibatkan penggunaan kabin atau bilik peralatan bagi struktur di atas bangunan sahaja. Tempoh kelulusan sokongan adalah berdasarkan piagam pelanggan jabatan/agensi teknikal masing-masing.

Sekiranya permohonan melibatkan struktur atas tanah, permohonan dikecualikan untuk mendapatkan ulasan JBPM. Pemohonan perlu menunjukkan kedudukan alat pemadam api di dalam Pelan Bangunan dan seterusnya dikemukakan ke PBT.

Sokongan secara keseluruhan (*Blanket Approval*) untuk kesemua struktur yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JBPM boleh diterima pakai.

iv. TNB

Butiran lanjut berkenaan dengan proses permohonan, pemohon boleh melayari laman sesawang rasmi TNB dan ESAH. Tempoh kelulusan sokongan adalah berdasarkan piagam pelanggan jabatan/agensi teknikal masing-masing.

v. JKR

Bagi permohonan penggunaan tanah rizab jalan JKR untuk tujuan pembinaan struktur menara, SSP atau laluan kabel gentian optik, pemohon perlu mendapatkan kelulusan tapak dan permit pengorekan. Tempoh kelulusan sokongan adalah berdasarkan piagam pelanggan jabatan/agensi teknikal masing-masing.

Bagi permohonan permit pengorekan di atas rizab jalan JKR perlu mendapat kelulusan daripada Jurutera Daerah manakala;

Bagi permohonan di rizab jalan persekutuan perlu mendapat kelulusan daripada pihak KKR (yang melibatkan papan iklan)/JKPTG terlebih dahulu.

vi. JPS

Sokongan JPS diperlukan jika tapak terletak di rizab sungai dan warta tali air. Pemohon perlu mengadakan rundingan awal bersama pihak JPS bagi mengetahui status tanah yang melibatkan kawasan rizab sungai dan warta tali air. Tempoh kelulusan sokongan adalah berdasarkan piagam pelanggan jabatan/agensi teknikal masing-masing.

vii. Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

Sokongan Jabatan Perhutanan diperlukan jika tapak struktur komunikasi terletak di kawasan berhutan/hutan simpan Hutan Simpanan Kekal. Tempoh kelulusan sokongan adalah berdasarkan piagam pelanggan dan proses perundangan jabatan/agensi teknikal masing-masing.

6.0 PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

Semua struktur komunikasi di negeri ini akan berada di bawah pemantauan PBT. PBT akan menggunakan sistem CIPM untuk pemantauan dan pembaharuan permit/data struktur komunikasi setiap tahun.

Sistem CIPM dapat mengemas kini data permit sedia ada dan permit baharu yang diluluskan oleh OSC. Selain itu, sistem CIPM akan membuat tawaran pembaharuan permit tahunan kepada pihak NFP berkenaan secara dalam talian. Semua NFP perlu menggunakan sistem CIPM bagi tujuan pembaharuan permit tahunan. Butiran lanjut berkenaan sistem CIPM, pemohon boleh merujuk manual pengguna di laman sesawang CIPM setelah mendaftar syarikat dengan MCMC. Semua struktur komunikasi termasuk struktur SSP turut dipantau melalui sistem CIPM.

PBT bertanggungjawab terhadap sebarang tindakan penguatkuasaan bagi kegagalan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan ini. Sekiranya melibatkan tanah milik Kerajaan Negeri, surat pemakluman dan ulasan daripada Pentadbir Tanah Daerah yang berkaitan perlulah diperoleh terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.

Bagi proses pertukaran hak milik struktur komunikasi, pemilik asal dan pemilik baharu hendaklah memaklumkan kepada pihak PBT/MCMC secara bertulis untuk pengemaskinian data di dalam sistem CIPM.

Sebarang penambahan komponen komunikasi pada struktur komunikasi sedia ada, pemohon perlu menghantar permohonan pindaan Pelan Bangunan ke PBT.

PBT akan mengambil tindakan terhadap infrastruktur komunikasi yang tidak mematuhi perkara seperti berikut:

- 6.1 Pembinaan Tanpa Kelulusan;
- 6.2 Kegagalan Memperbaharui Permit Tahunan; dan
- 6.3 Pelupusan Aset oleh NFP.

7.0 PENGURUSAN BANTAHAN PENDUDUK

Kerajaan Negeri Pulau Pinang begitu prihatin terhadap keperluan penduduk di negeri ini. Justeru, bagi memudah cara sebarang isu berbangkit untuk diselesaikan, Kerajaan Negeri telah menyediakan satu SOP yang selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri dalam memastikan capaian liputan komunikasi adalah menyeluruh di Negeri Pulau Pinang.

MMKN Bil. 1/2020 pada 8 Januari 2020 dan disahkan pada tarikh yang sama telah meluluskan pelaksanaan dan pemakaian SOP bantahan penduduk terhadap struktur menara dan pemancar komunikasi di Negeri Pulau Pinang yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.

SOP bantahan penduduk adalah bertujuan untuk memperkemas dan menambah baik proses pembangunan infrastruktur komunikasi berikutan wujudnya bantahan penduduk setempat mengenai masalah, salah faham, kekeliruan dan salah tafsiran ke atas pembinaan menara dan struktur pemancar komunikasi.

Mana-mana pihak berhak membuat bantahan terhadap pembangunan infrastruktur telekomunikasi. Walau bagaimanapun, bantahan terhadap menara dan struktur pemancar komunikasi mestilah relevan dan berasas serta disokong dengan bukti teknikal dari jabatan/agensi bertauliah tempatan.

Segala aduan atau bantahan penduduk berkenaan struktur menara atau sistem pemancar komunikasi, PBN atau PBT perlu merujuk tatacara dan pemakaian yang terdapat di dalam SOP bantahan penduduk terhadap struktur menara dan pemancar komunikasi di Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, SOP ini juga bertujuan untuk menambah baik proses pembangunan infrastruktur komunikasi serta memperkemas tatacara pengendalian bantahan-bantahan mengenai struktur pemancar komunikasi yang diterima.